



KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN

Aras G-7, Blok 2, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya

Tel: 03-8889 7888 Faks: 03-8889 7957

Laman web: www.kwp.gov.my

SIARAN MEDIA

UNTUK LIPUTAN MEDIA MASSA

KENDURI 1WILAYAH PERSEKUTUAN PUPUK SEMANGAT KERJASAMA DAN TOLERANSI

KUALA LUMPUR, 22 Februari 2017 – YB Datuk Seri Utama Tengku Adnan bin Tengku Mansor, Menteri Wilayah Persekutuan hari ini menyertai 3,000 penduduk Parlimen Batu untuk sama-sama di dalam penganjuran program kenduri rakyat yang diadakan di Dewan Komuniti Sentul Perdana, Bandar Baru Sentul hari ini.

YB Datuk Seri Utama Tengku Adnan bin Tengku Mansor turut menyampaikan bantuan yang disumbangkan oleh UMNO Bahagian Batu kepada 220 orang penduduk yang susah dan memerlukan serta penyampaian pemberian BRIM kepada 10 orang wakil dari kawasan dalam usaha meringankan kos sara hidup rakyat.

Kerajaan turut melaksanakan pelbagai inisiatif dalam membantu mensejahterakan kehidupan warga kota khususnya di Parlimen Batu seperti melaksanakan projek pembinaan dewan 3 tingkat di Taman Changkat Desa dan jalan masuk dari Lebuhraya DUKE ke Jalan Taman Koperasi Polis Fasa 1 bagi meningkatkan keselesaan penduduk dan pengguna jalan raya. Selain itu, Kementerian juga sedang membina rumah mampu milik di kawasan Batu bagi memberi peluang kepada komuniti setempat untuk memiliki rumah di bawah harga RM300,000.

Kenduri 1Wilayah Persekutuan ini merupakan program *signature* sempena sambutan Hari Wilayah Persekutuan di bawah kluster program mesra rakyat yang diadakan di 13

lokasi mengikut Parlimen di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan. Penganjuran Kenduri 1Wilayah Persekutuan bertujuan untuk menyemai serta membudayakan semangat kerjasama, keharmonian dan integrasi kaum. Di samping itu, program ini juga menjadi salah satu instrumen penting dalam memacu perpaduan dan kestabilan khususnya di Wilayah Persekutuan.

Dewan Komuniti Sentul Perdana ini dipilih menjadi lokasi penganjuran Kenduri 1Wilayah Persekutuan pada tahun ini kerana kawasan selesa yang dilengkapi dengan kemudahan awam dan berdekatan dengan kawasan perumahan untuk memudahkan orang ramai hadir memeriahkan majlis. Program ini turut menjadi landasan dalam usaha Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) menzahirkan keseimbangan pembangunan modal insan warga Wilayah Persekutuan.

Para penduduk di sini bergotong royong menyediakan masakan dengan kerjasama daripada Pusat Khidmat Masyarakat, badan-badan bukan Kerajaan, Persatuan Penduduk dan Majlis Perwakilan Penduduk. Hasil kerjasama yang dilaksanakan ini membolehkan program seperti ini dijalankan dengan lebih mantap, menjimatkan kos dan masa.

Diharapkan melalui program yang bermanfaat ini, warga Wilayah Persekutuan khususnya warga Batu dapat mengukuhkan hubungan akrab, meningkatkan semangat kebersamaan dan kekitaan antara satu sama lain bagi membentuk masyarakat sejahtera dan ceria.

Disediakan Oleh:

Bahagian Komunikasi Korporat, KWP

Kuala Lumpur

22 Februari 2017